

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/1992

Oktober/November 1991

**BKT 471/4: PROTOZOLOGI PERUBATAN & VETERINAR**

Masa: [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

(BKT 471/4)

1. (a) "Dalam Famili Trypanosomatidae terdapat 5 jenis morfologi, di mana setengah atau kesemuanya akan wujud di beberapa peringkat kitar hidup, bergantung kepada spesies yang dimaksudkan". Dengan menggunakan dua misalan yang dinamakan, bincangkan pernyataan tersebut.

(15 markah)

- (b) Mengapakah tidak terdapat gerakbalas lalian yang berkesan bagi penyakit tripanosomiasis?

(5 markah)

2. Sebutkan 2 (dua) genus Protozoa veterinar yang melibatkan sekenit sebagai vektor. Bincang dan bandingkan patologi penyakit, diagnosis, rawatan dan kawalan jangkitan parasit-parasit tersebut.

(20 markah)

3. Senaraikan kesemua haiwan Protozoa yang kerap terdapat dalam salur makanan manusia yang kamu ketahui. Dengan menggunakan gambarajah yang berlabel, bincang dan bandingkan morfologi haiwan-haiwan tersebut.

(20 markah)

...3/-

(BKT.471/4)

4. Bandingkan patologi penyakit-penyakit Chagas, tidur dan leishmaniasis dalam manusia.

(20 markah)

5. Catat apa yang kamu ketahui mengenai perkara-perkara berikut:-

- (a) hemazoin
- (b) zoonosis
- (c) gerakan gregarin
- (d) trikomoniasis ayam

(20 markah)

6. Anda telah dilantik sebagai Penasihat kepada Pegawai Veterinar Daerah untuk membasmi segala penyakit parasit Protozoa yang kerap menjadi masalah di kalangan lembu pawah di Sg. Rusa, Balik Pulau. Ceritakan kepada beliau nama-nama haiwan Protozoa yang mungkin terlibat, serta kemukakan suatu program kawalan yang boleh dilaksanakan bagi tujuan tersebut.

(20 markah)

-oooOooo-